

09/07/1997

Nicolas Cage serikan festival filem Asia Timur

Rosidi Daud

MENYELAM sambil minum air. Pelakon handalan Hollywood, Nicolas Cage yang dijangka menghadiri Festival Filem dan Televisyen Asia Timur (EAFTAB '97) yang pertama di Pulau Pinang tidak akan pulang sejurus festival tamat.

Sebaliknya, beliau bersama isteri, aktres Patricia Arquette akan memberikan pulau legenda, Langkawi sentuhan Hollywood. Pasangan ini akan bersantai selama tiga hari dua malam di sebuah hotel eksklusif di sana, dari 28 hingga 31 Ogos.

Cage, pemenang Oscar pelakon lelaki terbaik menerusi filem Leaving Las Vegas tahun lalu adalah antara barisan pelakon antarabangsa yang bakal mewarnai FFTAF bermula dari 27 Ogos hingga 3 September.

Idola Hollywood ini atau nama sebenarnya Nicolas Copola (anak saudara kepada sutradara Francis Ford Copola) akan menghadiri upacara perasmian festival itu.

Selain Cage, ratu dan raja layar perak Bollywood dan juga rantau Asia Pasifik sudah mengesahkan penyertaan mereka. Antaranya ialah aktres Perancis Catherine Deneuve, Sunil Dutt, Tony Leung, Pooja Bhat, Madhuri, Carmen Lee dan penerbit filem Deer Hunter, Barry Spiking.

"Sehingga kini, 18 negara dan 14 filem sudah mengesahkan penyertaan mereka dalam 19 kategori yang dipertandingkan," kata penganjur, Abdul Latif Nasir, yang juga seorang penerbit filem Indochine.

Antara negara itu ialah Sri Lanka, Iran, India, Hong Kong, Jepun, Australia dan New Zealand. Malaysia menghantar empat penyertaan.

"Festival ini juga membuka peluang bagi kami mendapat pengiktirafan daripada Persekutuan Penganjur Festival Filem Antarabangsa. Ini satu penghormatan," katanya lagi.

Filem yang bakal dipertandingkan akan ditayangkan kepada jawatankuasa prapemilihan terlebih dulu sebelum tayangan umum.

"Kami sudah mengenal pasti mereka ini daripada kalangan ahli profesional industri perfileman.

"Sesudah itu baru juri antarabangsa akan mengambil alih untuk pemilihan bagi pelbagai kategori yang dipertandingkan," kata Latif.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menghadiri malam penutup (Malam Gala) iaitu anugerah untuk pemenang akan disampaikan seperti Filem Terbaik, Aktor Terbaik dan Aktres Terbaik untuk trofi Penang Pearl Award serta Anugerah Khas Juri iaitu The Junior Pearl Award.

"Anugerah itu dikhususkan untuk hasil kreatif penuntut institusi pengajian tinggi terpilih di rantau Asia," katanya.

Malam berkenaan akan berlangsung di Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA) yang ketika ini masih dalam pembinaan.

Dalam program EAFTAB 97' yang dijangka menelan belanja hampir RM3 juta turut diserikan dengan tayangan filem retrospektif dari enam negara seperti A Touch of Zen (China) arahan King Wu dan Diluale Dulanaye Le Jayeye (Aditya Chopra).

Dari 1 hingga 3 September, pameran teknologi terkini untuk filem, televisyen dan audio visual industri penyiaran akan berlangsung di bawah sepanduk Filmcraft '97.

Satu siri bengkel, seminar dan persidangan juga dirancangkan.

"Kami menjangka EAFTAB 97' akan dihadiri hampir 3,000 karyawan filem dalam dan luar negara.

(END)